

PENYELIDIKAN MULTIDISIPLIN: MENSEJAGATKAN BAHASA MELAYU DI PENTAS DUNIA

(Multidisciplinary Research: Globalizing the Malay Language for the World Stage)

Nor Hashimah Jalaluddin
shima@ukm.edu.my

Institut Alam dan Tamadun Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
40603 Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.
Tel.: +603 8921 5555.

Abstrak

Makalah ini akan memperlihatkan bagaimana bahasa Melayu dapat terus maju dan berdaya saing dengan memanfaatkan teknologi pada hari ini. Pendekatan pelbagai disiplin membawa nafas baharu terhadap pengkajian bahasa Melayu. Kajian bandingan antarbahasa dapat meluaskan perspektif kita dalam memahami bahasa dan budaya luar. Integrasi teknologi maklumat dan bahasa telah membawa kepada dunia korpus. Pelibatan perubatan dalam kajian tuturan menghasilkan kajian terapi tuturan. Kemudahan teknologi Geographical Information System (GIS) dapat digandingkan dengan linguistik, iaitu dengan aplikasi dalam kajian dialek. Teknologi ini digunakan bagi melakar peta, menghuraikan penyebaran bunyi dan membentuk isoglos. Dialek geografi yang terhasil lebih tepat dan meyakinkan. Penyelidikan yang bersifat multidisiplin ini akan dapat mensejagatkan penyelidikan bahasa Melayu setanding dengan bahasa lain di dunia. Kesemua ini membawa kepada pemahaman kesejagatan bahasa agar bahasa kebangsaan kita terus relevan dengan perubahan zaman.

Kata kunci: kajian korpus, dialektologi, GIS, isoglos, multidisiplin, sejagat

Abstract

This article will show how employing the technology of today will enable the Malay language to develop further and remain competitive. A multidisciplinary approach may be able to breathe new life into the field of Malay language studies.

An inter-lingual comparative study may widen our understanding of other languages and cultures. The integration of information technology and language studies has led to corpus linguistics. The involvement of the medical field in the study of speech has resulted in speech therapy research. Geographical information system (GIS) tools can be employed in dialect studies. This technology may be used to draw maps, show the distribution of sounds and isoglosses. The dialect geography that is thus created is more accurate and convincing. Such multidisciplinary research may internationalize Malay language research and bring it up to par with those of other languages in the world. All this will lead to an understanding of the globalization of languages in order that our national language continues to be relevant in changing times.

Keywords: corpus studies, dialectology, GIS, isoglosses, multidisciplinary research, globalization

PENGENALAN

Bahasa perlu bersifat dinamik untuk terus berkembang dan pada masa yang sama kekal utuh dengan ciri jati dirinya. Kecenderungan hari ini memperlihatkan kajian multidisiplin telah mula meresap dalam kajian bahasa. Tidak terkecuali juga bahasa Melayu menerima tempias daripada perkembangan teknologi ini.

Dalam perkembangan ini, ahli bahasa juga seharusnya bersifat multidisiplin agar kajian yang dihasilkan lebih cemerlang dan relevan pada peringkat global. Ahli bahasa seharusnya membuka perspektif bahasa kepada ruang lingkup yang lebih luas dan tidak terhenti pada perdebatan nahu bahasa Melayu. Dengan adanya pendekatan multidisiplin, kajian bahasa lebih luwes, praktikal dan terkehadapan. Kajian seumpama ini membolehkan penyelidik bahasa berbicara di gelanggang antarabangsa. Bahasa kebangsaan kita akan lebih dikenali dan dapat dirujuk oleh sarjana luar. Sesungguhnya telah ada kajian dan penyelidikan yang membawa kita ke arena antarabangsa. Contohnya kajian bahasa minoriti masyarakat Iban oleh Asmah Haji Omar (1981). Kajian seumpama ini dapat digandingkan dengan ilmu antropologi dan linguistik (leksikografi).

Dalam makalah ini tiga aspek akan dibincangkan dalam pertembungan bahasa Melayu dengan teknologi, iaitu kajian bandingan antara bahasa yang menggabungkan sosiolinguistik dengan linguistik terapan leksikografi. Kajian ini dilakukan terhadap minoriti Negrito melalui program pembelajaran sepanjang hayat. Bahasa Negrito dirakamkan dan dimuatkan dalam bidang linguistik tempatan, iaitu perkamusan. Menerusi perkamusan atau leksikografi rakaman bahasa ini dilakukan agar dapat

memelihara kewujudannya dan melambatkan proses kepupusannya. Selain itu, perkataan yang bersesuaian dapat diambil bagi memperkaya bahasa kebangsaan.

Keduanya pertembungan kajian bahasa Melayu dengan teknologi maklumat, iaitu korpus bahasa. Integrasi teknologi maklumat dan bahasa telah membawa bahasa Melayu dalam dunia korpus. Kajian korpus ini mendapat perhatian sarjana antarabangsa. Dengan gandingan teknologi maklumat dan bahasa, banyak kajian bermutu dihasilkan.

Ketiganya, pertembungan kajian bahasa Melayu dengan perkembangan teknologi maklumat dengan gabungan geografi yang melahirkan teknologi Geographical Information System (GIS). Teknologi ini dapat digunakan dalam kajian dialektologi. Aplikasi ini boleh digunakan untuk melakar peta, menghuraikan penyebaran bunyi dan membentuk isoglos. Hasilnya kajian dialektologi lebih menarik, sistematik, lebih padu dan meyakinkan. GIS dengan dibantu aplikasi Microsoft Excel dan Pakej Statistik untuk Sains Sosial [Statistical Package for the Social Science (SPSS)] menjadikan analisis dialek lebih saintifik. Faktor muka bumi, demografi, sejarah dan linguistik dintergrasikan melalui kajian geolinguistik ini.



Penghasilan penyelidikan yang bersifat multidisiplin ini dapat mensejagatkan penyelidikan bahasa Melayu setanding dengan bahasa lain di dunia.

LINGUISTIK, BAHASA MINORITI DAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Kajian bahasa tidak pernah tandus dan sentiasa dapat diketengahkan (Nor Hashimah *et al.*, 2013). Kumpulan kajian bahasa minoriti masyarakat Negrito Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah melibatkan elemen inovasi dalam penyelidikan mereka. Elemen yang dimaksudkan ialah pembelajaran sepanjang hayat. Elemen ini pula dikaitkan dengan perkamusan. Pembelajaran sepanjang hayat merupakan proses yang semula jadi dan berterusan. Pembelajaran cara ini menyediakan pentas kepada manusia untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan pada masa yang sama berinteraksi dengan persekitaran sosial dan fizikal. Pembelajaran secara tradisional yang terikat pada pen, papan hitam, artikel dan bangunan yang teguh harus dilihat semula. Dalam pembelajaran sepanjang hayat, kreativiti dan inovasi menjadi kata kunci yang sangat penting dalam mempelajari tentang sesuatu kumpulan manusia terutama kumpulan yang berada di sekeliling kita.

Satu cara yang kreatif untuk melambatkan kepupusan bahasa adalah dengan mendokumenkan bahasa tersebut dalam bentuk kamus (Ogilvie, 2011). Considine dalam bukunya *Dictionaries of Early Modern Europe: Lexicography and the Making*

Jadual 1 Kamus berserta nota budaya bahasa Mendriq.

 <p>Contoh sumpit orang asli. Sumber: http://naransakti.blogspot.com/</p>	Mendriq	belau [bəlaw]
	Bahasa Melayu:	Sumpit (<i>blowpipe</i>)
	Definisi:	Alat senjata untuk berburu. <i>Ton belaw eai</i> (Ini belau ayah).
	Nota Budaya	Alat atau senjata yang digunakan untuk melepaskan “damak” (racun) dengan tiupan. Damak diambil daripada pokok tertentu di dalam hutan. Belau dibuat daripada buluh dan dikhususkan untuk berburu. Belau juga dikenali sebagai “belaut”. Pelurunya dikenali sebagai “tenlad”. Tenlad mempunyai hujung yang tajam dan diliputi dengan racun untuk membunuh binatang buruan.
 <p>Kunyit.</p>	Mendriq	Bunle [bunle]
	Bahasa Melayu	Kunyit (<i>tumeric</i>)
	Definisi	Sejenis herba digunakan dalam masakan dan perubatan tradisional ~ <i>pakei tuk masuk bahep</i> . (~ dipakai sebelum masuk hutan).
	Nota Budaya	Herba yang sangat berguna oleh Negrito Mendriq untuk memulihkan penyakit. Boleh memberhentikan muntah. Sebagai tangkal pelindung semasa di hutan. Negrito Mendriq mempunyai banyak herba tradisional untuk memulihkan penyakit spt. /mədaŋ tədʒa/ memulihkan sakit sendi, [hali? mərdʒab] memulihkan demam panas, [hakuh] memulihkan sakit perut dll.

of Heritage yang diulas oleh Dolezal (2012), menekankan bahawa selain bagi kegunaan pragmatik, kamus bertindak sebagai “tingkap” untuk memahami budaya masyarakat yang dikaji. Dari perspektif warisan, kita mampu untuk mencerap bukan sahaja apa yang tertera dalam kamus tetapi juga keintelektualan, ekonomi, sosial, dan pengalaman peribadi pengguna bahasa itu sendiri. Pendapat Considine selaras dengan tujuan dan falsafah pembelajaran sepanjang hayat. Maka dapatlah disimpulkan bahawa kamus dapat dijadikan sumber terbaik untuk mempelajari masyarakat minoriti ini.

Kepentingan pembelajaran sepanjang hayat turut diulas oleh Sahlberg (2009). Beliau menyatakan bahawa dalam pembelajaran sepanjang hayat, peluang sentiasa terbuka untuk kita mengetahui apa-apa yang berada di sekeliling kita. Proses berterusan ini menjadi tempat untuk kita meneroka dengan minda yang kreatif dan inovatif. Dengan melakukan hal tersebut, kita akan menjadi manusia yang lebih peka dan terbuka kepada idea baharu; mampu menyelesaikan masalah dengan pendekatan dan teknik alternatif; teruja untuk meneroka dan menemui perkara baru; lebih menerima dan mudah bekerjasama, dan akhirnya menjadi pelajar yang lebih baik.

Seterusnya, Corris *et al.* (2004) dan Ogilve (2011) telah membuktikan bahawa bahasa masyarakat minoriti berbaloi untuk dikaji. Mereka berpendapat bahawa ahli bahasa mempunyai peranan yang sangat penting dalam memelihara bahasa masyarakat minoriti ini daripada pupus malah boleh dijadikan bahan kajian yang berguna. Bagi membuktikan pernyataan sarjana di atas, Purnell (2013) dan Nor Hashimah *et al.* (2013) telah mengutarakan penghasilan kamus berbentuk budaya yang membantu ahli bahasa memahami masyarakat minoriti ini dengan lebih baik. Subjek kajian ialah masyarakat Mendriq Negrito yang terdiri daripada kurang 80 keluarga di Kampung Lah, Gua Musang. Contohnya seperti dalam Jadual 1.

BAHASA DAN KORPUS


Usaha penyelidikan multidisiplin terhadap bahasa Melayu terbuka dengan perkembangan teknologi maklumat. Teknologi maklumat menyediakan prasarana bagi membolehkan pengumpulan data dalam bentuk lisan dan tulisan ataupun lebih dikenali sebagai korpus bahasa. Hal ini memudahkan lagi kajian bahasa dilakukan dengan data bahasa yang boleh mencapai jutaan kata. Pengumpulan data bahasa sebanyak ini tidak dapat dilakukan sebelum munculnya teknologi ini. Dengan penggunaan teknologi maklumat ini kumpulan penyelidikan UKM telah

menghasilkan buku *Nahu Praktis Bahasa Melayu* (2008) dan membuktikan bahawa banyak tingkah laku bahasa Melayu (BM) agak berbeza daripada analisis preskriptif penahu terdahulu. Contohnya penggunaan kata ganda bilangan selepas kata bilangan kardinal. Nor Hashimah (2008) membuktikan bahawa wujud pola yang produktif bagi kata ganda mengikuti kata bilangan kardinal. Terjadinya hal tersebut ada sebab dan kewajarannya.

Zaharani (2008) juga membuktikan bahawa wujud ragam “memper...kan” dalam korpus BM. Kedua-dua jawapan bagi pola di atas merupakan kekhususan maklumat. Pola yang menggunakan kata ganda selepas kata bilangan kardinal seperti “dua orang pemuda” berbanding “sesetengah orang-orang kampung” ada pewajaran tersendiri. Pola satu menunjukkan kekhususan maklumat. Pola ini diikuti dengan objek yang jelas seperti, “Tengok nasib?” Dia bertanya. ***Dua*** orang pemuda yang beruniform ...” merupakan contoh penggunaan kata nama selepas kata kardinal yang spesifik. Maka kata nama yang digunakan tidak digandakan. Sementara itu, pola kedua tidak akan mempunyai objek yang khusus seperti ***sesetengah*** orang-orang kampung yang tidak berminat menghantar anak-anak mereka untuk mendapatkan pelajaran. Dalam hal ini kata nama yang mengikuti kata kardinal adalah tidak khusus, maka kata nama itu telah digandakan (Nor Hashimah, 2008).

Bahasa dan korpus ternyata menjadi lebih menariknya apabila diaplikasikan pada aspek lain dalam BM. Aplikasi kali ini dilakukan terhadap simpulan bahasa. Penggunaan korpus disulami dengan semantik kognitif mampu memperlihatkan kehebatan makna dalam simpulan bahasa. Simpulan bahasa yang dikatakan sebagai metafora mati ini dapat terus diteroka. Rogayah (2013) telah membuktikan bahawa simpulan bahasa deria dapat diperluas makna mengikut huraian semantik kognitif. Jika selama ini “hidung tinggi” diberi makna “sombong”, tetapi Rogayah telah menunjukkan bahawa wujud skema imej, metafora konsepsi dan metonimi yang mendasari simpulan bahasa ini. Berdasarkan Rajah 1 dan Jadual 2, dapat ditunjukkan bagaimana simpulan bahasa dapat diluaskan maknanya.

Berdasarkan kenyataan dalam Jadual 2, makna prototaip bagi kata hidung ialah anggota badan untuk mencium atau menyedut udara yang terdapat pada bahagian muka atas sedikit daripada mulut. Sebagai anggota badan, hidung sering dibicarakan dalam kelangsungan hidup penuturnya. Hidung sebagai anggota badan yang berada dalam domain fizikal dapat dilihat melalui penggunaan kata tersebut dalam ungkapan pada halaman 144:



Rajah 1 Jaringan radial peluasan makna kata hidung (Rogayah, 2013).

Jadual 2 Simpulan bahasa “hidung”.

Simpulan Bahasa		Makna
06.AH.160	Hidung tinggi	Sombong
07.AA.115	Hidung belang	Suka mengganggu perempuan
08.AH.115	Menusuk hidung	Sangat keras baunya (busuk ataupun wangi)
09.AH.115	Berlantung hidung	Berhampiran sekali
10.AA.47	Batang hidung	Mendapat malu; lembaga hidung
11.AH.115	Kembang lubang hidung	Besar hatinya: datang sombongnya
12.AH.115	Di depan hidung	Dekat sekali
13.AH.115	Di depan hidung	Terlalu dekat

- (1) Penyakit selesema burung itu menjangkiti ayam dan daripada binatang ternakan itu ia merebak kepada manusia menerusi penyebaran cecair dari ***hidung*** dan mulut serta najis ayam. [BHAR42 : 3]
- (2) Ia menyebabkan kulit tampak kusam dan kekuningan terutama pada bahagian pipi dan ***hidung***. [BHBR15 : 1]
- (3) Bagaimanapun, suatu hari anaknya menghidap demam sehingga keluar darah dari ***hidung***, beliau terus membawanya ke Hospital Seremban dan doktor mengesyaki menghidap denggi. [BHBR43 : 13]
- (4) Bersin ialah tindakan spasma kedua-dua dada dan saluran pernafasan yang menyebabkan penghembusan kencang dan keluarnya udara melalui lubang ***hidung***. [BHCR98 : 17]

Penelitian terhadap simpulan bahasa yang menggunakan leksikal tersebut memperlihatkan beberapa perkara menarik tentang cara penutur Melayu menanggapi hidung. Empat daripada lapan simpulan bahasa hidung yang dikaji memperlihatkan hidung dikaitkan dengan sifat negatif. Kövecses dan Szabó (1996) menyatakan antara faktor yang menentukan makna simpulan bahasa ialah mekanisme kognitif seperti metafora konsepsi, metonimi konsepsi dan pengetahuan konvensional (skema imej) yang terangkum di dalamnya pandangan budaya serta

pengalaman tubuh badan kita. Oleh yang demikian, analisis akan dilakukan dengan membincangkan peranan yang dimainkan oleh mekanisme kognitif tersebut dalam peluasan makna anggota badan yang dikaji. Proses peluasan makna kata hidung kepada beberapa makna pinggiran yang lain dapat digambarkan melalui kategori jaringan radial seperti dalam Rajah 1.

Antara metafora konsepsi yang dikongsi oleh penutur Melayu dalam menjana makna simpulan bahasa yang mengandungi kata hidung ialah:

(1) SIFAT NEGATIF ITU HIDUNG

(2) PENILAIAN MANUSIA ITU HIDUNG

Contoh bagi sifat negatif itu hidung terkesan pada contoh korpus pada halaman yang berikutnya.

(a) Janganlah kita bersikap sombong suka menunjuk dan *tinggi hidung* ke sana ke mari bercakap bohong amalannya buruk tak membawa untung.

[BT0056:31]



(b) Mereka kurang senang dengan sikap *hidung tingginya* yang terus mengagungkan pangkat dan status walaupun ketika berada di tanah suci.

[BHAR78:8]

Kita dapati hidung tinggi dirujuk silang dengan perbuatan sombong dan menimbulkan rasa kurang senang orang di sekelilingnya. Hal inilah yang dikatakan sebagai sifat negatif. PENILAIAN MANUSIA ITU HIDUNG pula digunakan dalam ucapan seharian penutur Melayu untuk menyampaikan maksud sesuatu bau yang sangat keras (busuk atau wangi).

(a) Bau busuk *menusuk hidung* daripada campuran racun perosak yang disembur...

[BHIR57:44]

- (b) Bau busuk biskut yang telah diluahkan itu, seolah-olah merebak

 dari perutnya dan *menusuk hidungku*. [WS52 : 7]
- (c) Bau hanyir darah dan daging *menusuk hidungnya*. [WS52 : 10]


DIALEK DAN GIS

Satu lagi teknologi yang dapat digandingkan dengan pengkajian bahasa ialah GIS. GIS ialah perisian geografi yang dapat membantu penghasilan taburan dialek dengan mengintegrasikan bahasa, geografi dan sosiologi penduduk. Dari perspektif geografi, dapat diteliti keadaan bentuk muka bumi yang mempengaruhi penyebaran dialek Melayu di negara ini. Faktor geografi tersebut seperti sungai, bukit-bukau, banjaran, laut dan tanah pamah yang menjadi kawasan penempatan penduduk dengan pola interaksi penduduk. Dari aspek sosiologi pula, faktor demografi seperti kepadatan, percampuran etnik sendiri mempengaruhi penggunaan bahasa. Pertembungan bahasa biasanya akan berlaku di tanah pamah kerana banyak aktiviti ekonomi sedikit sebanyak mempengaruhi variasi bahasa di kawasan tersebut (Nor Hashimah *et al.*, 2013). Dengan adanya GIS, penyebaran, peralihan dan kepupusan bahasa dapat dikesan dan dapat dilakarkan dalam peta dialek dengan lebih tepat.

Rajah 2 ialah peta dialek Melayu di Malaysia yang dilakarkan oleh Asmah (2008), merupakan taburan dialek Melayu di Malaysia. Lakaran ini telah memberikan gambaran mengenai dialek Melayu yang berada di Malaysia. Namun dengan perkembangan teknologi, dapat dilakarkan semula peta ini dengan lebih tepat lagi. Lakaran peta dengan menggunakan perisian GIS membantu dalam penghasilan peta yang lebih spesifik. Kajian yang mengintegrasikan bahasa dan geografi ini dinamai kajian geolinguistik.

Daripada peta dalam Rajah 2 ini dapat ditafsirkan bahawa penyebaran dialek Perak hanya dominan dari Kuala Kangsar, Kinta dan Perak Tengah. Di bahagian utara banyak dipengaruhi dialek Kedah sementara di timur dipengaruhi dialek Pattani dan Kelantan. Namun dengan adanya teknologi baharu ini, dapat dikenal pasti daerah yang sebenar yang menggunakan dialek utara dan daerah mana bermulanya dialek



Rajah 2 Peta taburan dialek di Malaysia.

Perak. Yang lebih menarik lagi dapat diuraikan penyebaran dialek itu berasaskan faktor muka bumi dan demografi.

Kajian oleh sekumpulan pengkaji bahasa dan GIS telah dilakukan di Thailand. Kajian serius mereka ini telah bermula sejak tahun 2000 dan kini telah ditubuhkan Pusat Geolinguistik di Chulalongkorn University dan Mahidol University. Kumpulan penyelidik dari Eropah telah meneroka GIS jauh lebih awal daripada sarjana Asia dengan berjinak-jinak menggunakan teknologi ini. Lee and Kretschmar (1993) membina pangkalan data geografi di bawah persekitaran GIS bagi menyimpan dan mempamerkan data linguistik yang diperolehi daripada pangkalan data Linguistic Atlas of the Middle and South Atlantic States (LAMSAS). Luo *et al.* (2000) pula menggunakan GIS untuk membantu kumpulannya mengesan pola petempatan minoriti Thai yang berada di selatan China.

Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, kumpulan penyelidik dari Thailand telah meneroka kajian dialek dan GIS secara serius. Dalam kajian Premstrat *et al.* (2004), GIS telah digunakan untuk membentuk pangkalan data geografi yang bertujuan

untuk menyimpan dan membuat taburan peta bagi kumpulan etnolinguistik untuk seluruh Thailand. Sementara itu, Teerarojanarat dan Tingsabadh (2008) pula membangunkan pangkalan data geografi yang menyimpan 170 unit semantik dalam kajian variasi leksikal meliputi seluruh Thailand dan peta GIS telah digunakan untuk mempamerkan penyebaran kata. Kajian selanjutnya Teerarojanarat dan Tingsabadh (2011) meneroka penyebaran dialek standard dan bukan standard di Thailand menggunakan teknik penindanan.

Teknik penindanan ini mengintegrasikan dua jenis data dan akhirnya membawa kepada isoglos yang sistematik bagi dialek yang dikaji. Selain Thailand, Jepun juga telah melakukan kajian dialek dengan GIS. Onishi (2010) telah menunjukkan kepentingan GIS dalam kajian geolinguistik. Salah satu dapatan kajian Onishi, dengan GIS hubungan erat antara data bahasa dan data bukan bahasa dapat diintegrasikan dan pada masa yang sama dapat diperlihatkan menerusi taburan dialek, sekali gus dapat membantu pengkajian sejarah bahasa itu. Beliau menambah bahawa di timur Jepun, bentuk standard yang digunakan dalam situasi santun tinggi dan diamalkan di kawasan petempatan manusia yang padat. Di Malaysia pula, Mokhtar Jaafar (2012) telah menunjukkan bahawa usaha untuk menyedarkan pelajar dengan teknologi GIS adalah sangat penting bagi memperkemas ketepatan dalam lukisan peta pada masa hadapan.

Keseluruhan sorotan ilmu ini membuktikan bahawa kajian linguistik dengan GIS mampu memberikan gambaran yang lebih tepat mengenai taburan dialek di Malaysia. Yang lebih penting, kemajuan penyelidikan bahasa pada peringkat global harus diteladani oleh ahli bahasa di Malaysia agar dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan sarjana dunia yang lain. Bagi menyahut cabaran global ini, kumpulan penyelidik UKM meneroka kajian dialek menggunakan teknologi GIS. Kajian yang dinaungi oleh Projek Arus Perdana terdiri daripada gabungan tenaga pakar: linguistik, geografi, kejuruteraan, teknologi maklumat dan sosiologi. Kesemua penyelidik mempunyai peranan masing-masing bagi menjayakan projek ini.

Menyingkap Sejarah, Memilih Responden

Kajian dialek melibatkan masyarakat penutur setempat. Oleh yang demikian perancangan yang teliti amat perlu. Responden yang dipilih hendaklah benar-benar berwibawa dan merupakan penutur jati dialek itu, dalam kes ini dialek Perak. Responden utama diperlukan dari setiap mukim dan kampung demi melicinkan perjalanan penyelidikan. Tinjauan awal perlu dilakukan terlebih dahulu. Bantuan

penghulu mukim penting untuk mengenal pasti penutur asli mukim yang dikaji. Penghulu seterusnya menghubungi ketua kampung untuk memilih responden. Kawasan yang dikaji ialah zon A yang melibatkan Larut, Matang dan Selama dan Hulu Perak yang mempunyai penduduk yang rencam. Sejarah juga mencatatkan berlakunya penghijrahan masyarakat Pattani Siam ke Hulu Perak angkara peperangan. Dalam *Misa Melayu* juga (1992) dicatatkan penghijrahan kaum Rawa, Kerinci, Jawa, Banjar ke Perak yang menuturkan bahasa yang berbeza daripada bahasa Melayu terutama dialek Perak. Maka kelompok ini diasingkan dan tidak dijadikan sebagai responden. Walau bagaimanapun, masyarakat Pattani diikutsertakan kerana mereka telah lama berada di Hulu Perak dan mereka berketurunan Melayu, iaitu Melayu Pattani. Mereka menuturkan bahasa Melayu dengan dipengaruhi oleh dialek selatan Thai (Pattani) dan dialek Kelantan. Ternyata dialek mereka saling dapat difahami oleh jiran Melayu mereka.

Selepas penyaringan yang ketat, akhirnya 38 buah kampung terpilih bagi mewakili zon A. Sampel terarah (*purposive sampling*) melibatkan empat kategori umur dan gender dan kesemua mereka merupakan penutur jati dialek Melayu Perak. Temu bual dan soal selidik menjadi alat yang penting bagi memastikan data dapat dikutip dengan sempurna. Sekumpulan 40 orang pelajar linguistik telah dipilih untuk menjalankan pengutipan data ini. Mereka telah dibekalkan dengan ilmu fonetik. Bagi memastikan keselamatan mereka terjamin, ahli penyelidik akan diiringi oleh ketua kampung. Sebanyak 200 perkataan yang mewakili ranah penting BM telah disenaraikan. Para responden akan membunyikan setiap perkataan itu dan ditranskripsikan langsung oleh penyelidik. Selain senarai kata, biodata dan latar belakang sosial serta maklumat topografi kampung yang terlibat juga diambil. Ternyata maklumat topografi memainkan peranan yang signifikan dalam



Rajah 3 Penyelidik di lokasi lapangan.

menentukan penyebaran subdialek ini. Contohnya memang wujud variasi kata ganti nama di semua 38 kampung yang dikaji. Terbukti bahawa selain jurang usia, topografi seperti sungai, banjaran memang memberikan impak pada penyebaran dialek yang dikaji. Dalam Rajah 3, dipaparkan kaedah kajian kami di lapangan.

Setelah data dikutip, data ini kemudiannya dipindahkan ke program Microsoft Office Excel. Kesemua data dicatat dan dari sini kepelbagaian varian dapat dikesan. Setelah itu data dipindahkan ke perisian GIS untuk mendapatkan pula peta taburannya. Langkah pertama mendapatkan titik kampung, bentuk muka bumi berdasarkan peta negeri Perak. Hasilnya peta topo negeri Perak terpapar. Dari sini maklumat muka bumi dapat memberikan idea kepada penyebaran dialek itu sendiri.

Setelah mendapatkan peta topo, analisis taburan varian dialek dilakukan. Berdasarkan data Excel dalam Rajah 5, dapat kenal pasti berapa varian terhasil daripada satu leksikon. Contohnya untuk leksikon “tikus” ada sembilan (9) varian dihasilkan. Begitu juga dengan “cakar” dan “kera”.

Contoh Analisis Dialek dan GIS

Data yang terhimpun dianalisis. Paparan statistik memberikan gambaran sebenar mengenai penyebaran dialek ini. Kajian ini telah menganalisis data ganti nama “saya”, “kamu” dan “mereka” dan menganalisis penyebarannya. Daripada analisis statistik, didapati wujud pola yang menarik mengenai ganti nama ini. Terdapat lima varian *saya*, iaitu [saja, sajə, sajo, aku dan kami]. Varian [saja] digunakan di kampung yang bersempadan dengan dialek utara, iaitu Kedah. Kampung ini berada di daerah Larut Matang dan Selama. Mukim yang menggunakan dialek Kedah adalah di Selama dan

Jadual 3 Penyebaran varian “saya”.

Leksikal (L)	Leksikal Matang dan Selama		Hulu Perak		Jumlah	
L1- saya	2	50%	0	0%	2	25%
L2- sayə	3	75%	4	100%	7	87.5%
L3- sajo	1	25%	2	50%	3	37.5%
L4- aku	4	100%	4	100%	8	100%
L9- kami	2	50%	1	25%	3	37.5%

Jadual 4 Penyebaran varian “kamu”.


Leksikal (L)	Leksikal Matang dan Selama		Hulu Perak		Jumlah	
L1- kamu	3	75%	3	75%	6	75%
L2- mu	2	50%	2	50%	4	50%
L3- mung	0	0%	1	25%	1	12.5%
L5- hangpa	1	25%	0	0%	1	12.5%
L6- hang	3	75%	3	75%	6	75%
L9- awak	1	25%	0	0%	1	12.5%
L11- demə	0	0%	1	25%	1	12.5%

Jadual 5 Penyebaran varian “mereka”.

Leksikal (L)	Leksikal Matang dan Selama		Hulu Perak		Jumlah	
L1- dema	1	25%	0	0%	1	12.5%
L2- demə	2	50%	2	50%	4	50%
L3- demə	1	25%	4	100%	5	62.5%
L4- depa	4	100%	2	50%	6	75%
L6- dəpə	2	50%	1	25%	3	37.5%
L7- hangpa	2	50%	0	0%	2	25.5%
L10- mikə	0	0%	1	25%	1	12.5%
L13- məyəkə	0	0%	1	25%	1	12.5%
L14- moha	0	0%	1	25%	1	12.5%

Trong. Berbeza daripada [aku], varian ini tersebar luas di kedua-dua daerah. [aku] lebih berupa bahasa Melayu standard. [sajə , sajɔ] pula memperlihatkan sebaran lebih berat di Hulu Perak. Di sini terdapat unsur dialek Perak, Pattani dan Kelantan. Sebarannya jelas di Mukim Lenggong, Temelong dan Mukim Pengkalan Hulu dan Mukim Kerunai. Yang menariknya, wujud varian [saja] di Kampung Simpang Pulau, Kampung Kuak Hulu dan Kampung Kuak Luar yang jelasnya hasil pengaruh daripada dialek Kedah. Meskipun mereka ini datang dari Pattani, mereka telah mula mengasimilasikan dialek Kedah dalam percakapan mereka.


Jadual 3 memperlihatkan penyebaran varian “saya” bagi zon A. Faktor hijrah, kahwin campur dan pertembungan bahasa memungkinkan variasi ini berlaku. Yang lebih menarik lagi tumpuan variasi jelas tergambar di Mukim Lenggong. Bentuk



Rajah 6 Peta sebaran varian “saya”.

muka bumi yang rata, faktor hulu sungai, dekatnya dengan pusat pemerintahan diraja Kuala Kangsar telah menyebabkan kawasan ini kaya dengan variasi penyebutan kata ganti nama “saya”. GIS berjaya melakarkan variasi ini dalam peta dalam Rajah 6 dan Rajah 7.


Taburan varian “saya” diperkukuh dengan penyebaran varian “kamu” dan “mereka”. Berasaskan Jadual 4 dan 5, didapati sebaran dialek Kedah banyak berada di daerah Larut Matang dan kampung yang bersempadan dengan negeri Kedah.



Rajah 7 Penyebaran “saya”, “kamu” dan “mereka” di zon A, Perak.

Varian [kamu, mu, haŋ pa, hang dan awa?] wujud di Larut Matang. Daerah ini memang terkenal dengan pengaruh dialek utara.

Sementara itu, varian [kamu, mu, muŋ, haŋ dan demə] jelas berada di Hulu Perak. Begitu juga dengan leksikal “mereka”. Terdapat sembilan variasi untuk “mereka” di kedua-dua di zon A ini. Pengaruh Kedah, Pattani dan Perak dapat dikesan bagi leksikal “mereka” ini. Contohnya [demə , mikə] mempunyai unsur dialek Perak asli yang dituturkan di Kuala Kangsar. Varian ini dituturkan di Mukim Bukit Gantang dan Batu Kurau. Kedua-dua mukim ini berhampiran dengan Kuala



Rajah 8 Taburan variasi leksikal “saya” di zon A.

Kangsar. Sementara itu, bagi daerah Hulu Perak, [demə] ditemui di Lenggong dan Kampung Simpang Pulai di Pengkalan Hulu. Perkataan [mikə] pula hanya ditemui di Lenggong. Lenggong ialah mukim yang berjiran dengan Kuala Kangsar. Maka kehadiran dialek Perak di situ telah diramalkan.

Bagi mendapatkan gambaran yang jelas perisian GIS digunakan bagi memperlihatkan sebaran ganti nama “saya” seperti dalam peta pada Rajah 6. Dalam peta pada Rajah 6 dapat dilihat penyebaran varian daripada dua kepada lima variasi telah dikesan. Warna hijau menandakan dua varian. Perhatikan kawasan yang mempunyai dua varian ini mempunyai bentuk muka bumi yang tinggi seperti bukit, gunung dan banjaran. Muka bumi ini telah menghalang pergerakan masyarakatnya untuk berinteraksi dengan masyarakat luar. Bagi kawasan yang mempunyai tanah pamah, sungai, muara dan jalan raya besar, didapati penggunaan variannya lebih banyak. Mukim Trong yang berhampiran dengan negeri Kedah di barat dan Kuala Kangsar di timur menunjukkan pengaruh dialek yang rencam. Begitu juga di Kampung Pahit Tengah, Hulu Perak yang bersempadan dengan Kedah, Kelantan dan Thailand juga mempunyai lima variasi ganti nama “saya”. Peta pada Rajah 7 menunjukkan sebaran bagi ketiga-tiga varian ganti nama menggunakan perisian GIS. Teknik interpolasi digunakan untuk mendapatkan IDW bagi peta Rajah 7.

Kali ini didapati Kampung Parit Tengah, Hulu Perak dan Kampung Sungai Serai, Trong mempunyai 15 variasi kata ganti nama “saya”, “kamu” dan “mereka”. Kampung Tanjung Lengkung dan Kampung Sungai Jambu pula mempunyai variasi terendah, iaitu lima lantaran gunung yang melingkari mukim mereka.

Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas, teknik Coropleth digunakan bagi mendapatkan taburan sebenar ganti nama “saya” berserta petunjuknya. Penandaan berjaya dilakukan dengan penggunaan variasi ganti nama yang ditemui dalam peta Rajah 8.

Portal Geodialek

Bagi memastikan kajian yang setuntas ini mendapat tempat dan menjadi sumber rujukannya pada peringkat global usaha mempatenkannya harus dilakukan. Oleh yang demikian, portal GEODIALEK MELAYU dibina bagi menempatkan semua hasil kajian ini di laman sesawang. Pembinaan portal ini masih pada peringkat awal. Sebagai permulaan blog goedialek Perak disediakan terlebih dahulu seperti dalam Rajah 9.

Blog ini dipautkan dengan maklumat dialek seperti tokoh dialektologi, penerbitan berkaitan dialek Melayu dan dialek luar, aktiviti kajian lapangan, contoh transkripsi,



Rajah 9 Muka hadapan blog Geodialek Perak.



Rajah 10 Contoh transkripsi dialek di Perak.



Rajah 11 Penyelidik bersama-sama responden.



Rajah 12 Video rakaman perbualan.

bentuk fizikal dan peta kawasan kajian dan rakaman dialek secara elektronik. Dengan cara ini mereka yang berminat boleh melawat blog/portal bagi mendapatkan maklumat lanjut. Maklumat ini bukan sahaja boleh dicapai oleh masyarakat setempat dan antarabangsa. Rajah 10, 11 dan 12 ialah contoh pautan yang melalui blog/portal ini.

KESIMPULAN

Sesungguhnya kajian bersifat multidisiplin merupakan kajian yang menarik. Banyak kepakaran dapat disinergikan bersama-sama demi menghasilkan dapatan kajian yang bermutu tinggi. Meskipun kajian seumpama ini menuntut masa, kesabaran dan keluhuran hati seseorang penyelidik namun hasilnya sangat berbaloi dengan usaha yang diberikan. Kajian bersama-sama masyarakat orang asli demi mendokumenkan bahasa minoriti mereka daripada pupus merupakan suatu usaha yang murni. Meneliti data korpus dan gandingan dengan simpulan bahasa dapat menghidupkan semula kajian simpulan bahasa yang dianggap sebagai metafora yang telah mati. Akhirnya kajian geodialek mampu mengangkat bahasa Melayu ke taraf global dan mampu menjadi pusat rujukan geodialek Melayu pada peringkat antarabangsa.

RUJUKAN

- Ahmad Fawzi Mohd. Basri, 1992. *Misa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ajid Che Kob, 1985. *Dialek Geografi Pasir Mas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Haji Omar, 1981. *The Iban language of Sarawak: A Grammatical Description*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T., 1983. *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Corris, M., Mannig, C., Poetsch, S., dan Simpson, J., “How Useful and Usable are Dictionaries for Speakers of Australian Indigeneous People” dlm. *International Journal of Lexicography* 17:1, hlm. 33-68, 2004.
- Dolezal, F., “Dictionaries of Early Modern Europe: Lexicography and the Making of Heritage (Review)” dlm. *International Journal of Lexicography* 25:3, hlm. 362-67, 2012.
- Harishon Radzi, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin, dan Zaharani Ahmad, “Analisis Bahasa Komunikasi Bangsa Minoriti Negrito menerusi

- Pengimbuhan dan Peminjaman Kata” dlm. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 12:3, hlm. 885-901, 2013.
- Harishon Radzi , Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Siti Noraini Hamzah, Yusmaniza Mohd.Yusoff dan Norlisafina Sanit. 2013. “Geo-linguistics Study on Lexical and Phonology Dialect Variations in North Perak, Malaysia”. Kertas kerja SoLLs 2013. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hartmann, R.R.K 2001. *Teaching and Researching Lexicography*. Harlow: Pearson Education Limited.
- Harun Mat Piah, 1969/70. Sistem Bunyi Dialek Rawa yang dituturkan dalam daerah Gopeng, Perak. Graduation Exercise for Undergraduates, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ismail Hussein, “Malay Dialects in Malay Peninsula” dlm. *Nusantara* 3, hlm. 63 – 79, 1973.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2008. “Kata Bilangan Bahasa Melayu” dlm Zaharani Ahmad (ed.) *Nahu Praktis Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Intan Safinaz Zainudin, Zaharani Ahmad, Fazal Mohamad Mohamad Sultan, dan Harishon Mohd. Radzi, 2013. “The Dictionary as a Source of a Lifelong Learning. World Conference on Educational Sciences”. Rome, Italy 5-7 Februari.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Harishon Radzi, Mustaffa Omar & Mokhtar Jaafar, 2013. “Lexical Variation and Distribution in Perak Malay: A GIS Approach”. Kertas kerja dibentangkan di Southeast Asian Linguistics Conference, Bangkok 29-31 May, 2013.
- Nor Hashimah Jalaluddin dan Zaharani Ahmad, 2013. “The Dictionary as a Tool of Salvaging the Minority Language: A Case for Mendriq Negrito”. Kertas kerja ASIALEX 16-18 Ogos. Bali.
- Ogilvie, S., “Linguistics, Lexicography, and the Revitalization of Endangered Languages” dlm. *International Journal of Lexicography* 24:4, hlm. 389-404, 2011.
- Purnell, H., 2013. “Bending the Rules in Minority Language Bilingual Lexicography”. Kertas kerja dibentangkan di South East Aian Linguistics Society 2013. Bangkok. 29-31 May 2013.
- Rogayah Osman, 2013. “*Kesisteman Metafora Simpulan Bahasa Melayu*”. Tesis PhD. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohani Mohd Yusuf, 1986. “*Dialek Geografi Kuala Kangsar: Satu Kajian Perbandingan Fonologi*”. Tesis MA. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sahlberg, P., “Creativity and Innovation Through Lifelong Learning” dlm. *Journal of Lifelong Learning in Europe* 14:1, hlm. 53-60, 2009.
- Teerarojanarat, S. & Tingsabadh, K., “Using GIS for Linguistic Study: A Case of Dialect Change in the Northeastern Region of Thailand” dlm. *Procedia Social and Behavioural Science* hlm. 362-71, 2011.
- Teerarojanarat, S. dan Tingsabadh, K., “A GIS-Based Approach For Dialect Boundary Studies” dlm. *Dialectologia* 6:2011, hlm. 55-75, 2008.